

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

### Pemegang polisi yang dihargai

Selepas tiga tahun mengukuhkan kedudukan dan menyusun semula strategi berikutan penubuhan Uni.Asia, pada hari ini Uni.Asia Life telah menjadi salah sebuah syarikat insurans hayat terunggul di negara ini. Saya dengan sukacitanya memaklumkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006, pendapatan baru perniagaan keseluruhan kami telah meningkat kepada RM235 juta manakala pendapatan pelaburan pula berjumlah RM35 juta. Jumlah aset di bawah pengurusan meningkat kepada RM979 juta dan hampir mencapai sasaran kami untuk mencatatkan aset bernilai RM1 bilion. Keputusan ini merupakan prestasi paling cemerlang yang pernah dicatat oleh Syarikat.

Kejayaan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan berterusan anda. Saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak pengurusan dan seluruh kakitangan Uni.Asia Life untuk mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan setulus ikhlas kami kepada anda, pemegang polisi kami yang dihargai, kerana keyakinan dan kepercayaan anda terhadap kami untuk menguruskan keperluan pelaburan anda.

Laporan Prestasi Dana Berkaitan Pelaburan ini diterbitkan untuk memberi peluang kepada anda membaca dan memahami prestasi dana pada tahun kewangan yang dilaporkan dan menilai sama ada dana yang diamanahkan diuruskan dengan bijak dalam usaha kami menjamin pulangan sewajarnya ke atas pelaburan anda.



Tahun 2005/2006 menyaksikan Syarikat mengambil langkah berani untuk memenuhi keperluan dan permintaan pasaran bagi produk berkaitan pelaburan. Selepas beberapa bulan merancang dan mengatur strategi dan selepas mendapat kelulusan yang diperlukan daripada Bank Negara Malaysia, kami telah melancarkan beberapa dana berkaitan pelaburan iaitu Uni Strategic, Uni Aggressive, Uni AsiaEquity, Uni Income, Uni Bond dan Uni Capital Guaranteed.

Dana-dana tersebut telah mencatatkan prestasi yang baik walaupun dalam persekitaran yang mencabar. Nilai aset bersih seunit Uni Strategic meningkat 7.18% manakala nilai aset bersih seunit Uni Aggressive naik 3.79% bagi tempoh 1 April 2005 hingga 31 Mac 2006. Bagi Uni AsiaEquity, nilai aset bersih seunit meningkat 4.38% bagi tempoh 4 Ogos 2005 hingga 31 Mac 2006. Secara keseluruhannya, pencapaian Uni AsiaEquity telah mengatasi indeks tanda aras berwajaran (70% Indeks Emas Kuala Lumpur dan 30% Indeks MSCI Far East ExJapan) sebanyak 2.43%. Dalam tempoh enam bulan, Uni Income pula mencatatkan



*Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (sambungan)*

peningkatan nilai aset bersih seunit sebanyak 1.15% manakala nilai aset bersih seunit Uni Bond naik 0.32%. Peningkatan lanjut nilai aset bersih seunit Uni Income dan Uni Bond dijangka dicapai dalam tempoh terdekat.

Meninjau ke hadapan, kami yakin dana-dana tersebut akan mencatatkan prestasi yang lebih baik berikutan sentimen pasaran yang positif. Selain itu, saya gembira untuk menyatakan bahawa pasukan pelaburan kami yang berdedikasi sentiasa meninjau peluang-peluang baru untuk memastikan pulangan pelaburan optimum atas pelaburan anda.

Tahun 2005/06 merupakan tahun yang penting bagi kami semua di Uni.Asia Life. Kami telah membina landasan dan kini terus berusaha mencapai kejayaan lebih besar berpandukan matlamat tunggal menghasilkan pulangan pelaburan terbaik untuk anda. Kami akan terus melancarkan dana pelaburan asing dan memperkenalkan produk berstruktur yang memenuhi keperluan khusus anda dalam tempoh terdekat. Produk-produk ini bukan sahaja membabitkan dana antarabangsa, tetapi juga dana ekuiti dan dana indeks. Ini adalah selaras dengan matlamat kami menawarkan produk inovatif yang memenuhi keperluan khusus pemegang polisi dan keperluan pasaran pada amnya.

Saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anda kerana memilih Uni.Asia Life. Sokongan padu anda telah membantu usaha kami menjadi salah sebuah syarikat insurans hayat yang utama di negara ini dan sokongan berterusan anda akan menyaksikan kami terus berkembang maju. Kami berbangga kerana diiktiraf sebagai salah sebuah syarikat insurans hayat paling pantas berkembang. Dalam usaha merencanakan perkembangan kami, anda sebagai pemegang polisi yang amat kami hargai, menjadi tumpuan segala apa yang kami lakukan.

Akhir kata, terima kasih kerana memberi kami peluang untuk menguruskan keperluan simpanan, perlindungan dan pelaburan anda. Semoga anda sihat dan sejahtera sentiasa.

**Ooi Say Teng**  
Ketua Pegawai Eksekutif

*Nama Insurans Yang Dipercayai*

## Objektif Dana

### **DANA UNI STRATEGIC**

Dana Uni Strategic bertujuan mencapai peningkatan modal secara konsisten dalam jangka pertengahan hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam syarikat yang telah dinilai secara sistematik menerusi kriteria kewangan yang ditetapkan terlebih dahulu.

### **DANA UNI AGGRESSIVE**

Dana Uni Aggressive ditubuhkan dengan matlamat mencapai peningkatan modal secara konsisten dan lebih tinggi daripada purata dalam jangka pertengahan hingga panjang dengan melabur dalam syarikat-syarikat dengan modal pasaran tidak lebih daripada RM750 juta pada masa pembelian.

### **DANA UNI ASIAEQUITY**

Dana Uni AsiaEquity bertujuan mencapai peningkatan modal yang konsisten dan lebih tinggi daripada purata dan meraih pendapatan berpatutan dalam jangka pertengahan hingga panjang dengan melabur dalam portfolio pelaburan berkualiti yang seimbang di Malaysia dan Asia, tidak termasuk Jepun.

### **DANA UNI INCOME**

Dana Uni Income bertujuan memelihara modal dalam jangka pertengahan dengan menyediakan pendapatan yang stabil dalam jangka panjang menerusi pelaburan terutamanya dalam portfolio sekuriti pendapatan tetap gred pelaburan.

### **DANA UNI BOND**

Dana Uni Bond bertujuan memelihara modal dalam jangka pertengahan sambil memberikan pendapatan jangka panjang yang stabil dan terjamin dengan melabur terutamanya dalam portfolio sekuriti pendapatan tetap gred pelaburan.

### **DANA UNI CAPITAL GUARANTEED**

Dana Uni Capital Guaranteed bertujuan menyediakan pulangan terjamin minima yang dipersetujui dengan potensi peningkatan semasa matang menerusi pelaburan dalam syarikat global dan Asia (tidak termasuk Jepun) dalam tempoh 5 tahun.

## Tinjauan Pelaburan

### TINJAUAN PASARAN EKUITI

Pasaran ekuiti Malaysia bergerak secara tidak menentu di sepanjang tempoh yang dilaporkan (1 April 2005 hingga 31 Mac 2006). Walaupun kegiatan pasaran kembali rancak disebabkan perlonggaran syarat mata wang, aliran keluar modal asing yang berlaku selepas itu serta kebimbangan tentang peningkatan kadar faedah dan tahap keuntungan korporat yang menghampakan menyebabkan tahun 2005 berakhir dengan hambar.

Keadaan menjadi bertambah runcing bagi saham-saham bermodal kecil pada tahun 2005, apabila harga-harga saham mencatatkan kerugian dua angka. Tahap kecairan saham yang rendah serta kurangnya keyakinan pelabur secara umumnya menyebabkan Indeks Papan Kedua menyusut daripada 97.18 mata pada awal Mei 2005 kepada tahap terendah 81.75 mata pada 2 Jun 2005, iaitu kejatuhan sebanyak 15.9%. Angka tersebut hampir mencecah tahap terendah Indeks Papan Kedua sebanyak 74.77 mata yang dicatat pada 1 September 1998, semasa Krisis Kewangan Asia. Harga saham bermodal kecil merosot teruk disebabkan tindakan insititusi kewangan menarik balik kemudahan pembiayaan margin untuk saham bermodal kecil hingga sederhana.

Walau bagaimanapun, untuk tempoh yang dilaporkan, Indeks Komposit Kuala Lumpur (IKKL) dan Indeks Emas Kuala Lumpur (IEKL) masing-masing ditutup pada 31 Mac 2006 dengan kenaikan 5.79% dan 3.7%, terutamanya kerana kenaikan biasa yang dialami pada musim perayaan dalam suku pertama 2006 dan juga ramalan suntikan fiskal dalam Rancangan Malaysia Ke-9, yang dibentangkan pada akhir Mac 2006.

Pada suku pertama 2006, IEKL meningkat 4.67%, mengatasi prestasi IKKL yang naik 3.0%. Minat yang kian meningkat ditunjukkan terhadap saham bawahan, apabila Indeks Papan Kedua dan Indeks Mesdaq masing-masing meningkat 13.3% dan 27.66% dalam tempoh yang sama. Pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9 menjadi faktor pendorong utama yang memacu prestasi kukuh harga saham pada suku pertama 2006, dengan prestasi saham pembinaan paling memberangsangkan. Indeks Pembinaan KL naik 16.03% pada suku pertama 2006 berbanding kejatuhan -2.77% pada suku pertama 2005.

### TINJAUAN DAN STRATEGI PASARAN EKUITI

Selepas mencapai pertumbuhan mantap 7.1% pada 2004, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menurun ke takat 5.3% pada 2005, disebabkan pertumbuhan eksport yang berkurangan dan langkah kerajaan menghadkan perbelanjaan pembangunannya. Hanya pada separuh kedua 2005, pertumbuhan eksport meningkat selepas mencapai kadar terendah pada suku kedua 2005.

Tahun 2005 akan tercatat dalam sejarah sebagai tahun Malaysia memansuhkan tambatan Ringgit daripada dolar AS dan membenarkan penduduk tempatan melabur semula di luar negara. Sejak pemansuhan tambatan Ringgit pada Julai 2005 sehingga akhir Mac 2006, nilai mata wang tempatan meningkat +3.1% kepada RM3.6831/US\$. Tahun 2005 juga menyaksikan kadar faedah meningkat, iaitu kenaikan pertama sejak Krisis Kewangan Asia pada 1997/98. Selepas peningkatan 30 mata asas berbanding kadar polisi semalaman (OPR) pada November 2005, kadar tersebut dinaikkan sekali lagi pada Februari 2006 sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%.



*Tinjauan Pelaburan (sambungan)*

Kami meramalkan pertumbuhan KDNK akan meningkat pada kadar 5.5%-6.0% pada 2006, dipacu oleh kombinasi pemulihan eksport serantau, peningkatan perbelanjaan kerajaan dan juga harga komoditi yang kian kukuh. Rancangan Malaysia Ke-9 menganggarkan belanja pembangunan lebih tinggi iaitu sebanyak RM220bn berbanding RM170bn pada Rancangan Malaysia Ke-8. Ini sememangnya petanda baik bagi sektor pertanian, pendidikan, penjagaan kesihatan, pelancongan dan teknologi maklumat.

Memandangkan kadar faedah tempatan dijangka meningkat sebanyak 50 hingga 75 mata asas bagi tempoh selanjutnya tahun 2006 dan ditambah pula sentimen pengguna yang lemah, terdapat risiko bahawa permintaan pengguna mungkin tidak seperti yang dijangkakan. Harga komoditi dan tarif utiliti yang meningkat bagi air dan tenaga turut memberikan tekanan untuk meningkatkan harga.

Kami agak berhati-hati terhadap tinjauan pasaran saham Malaysia pada 2006 kerana kekhuatiran tentang kesan kadar faedah yang kian meningkat dan tahap keuntungan korporat yang mungkin menghampakan kerana kos yang lebih tinggi akibat kenaikan harga komoditi dan tarif utiliti. Penilaian pasaran yang kurang menarik berbanding rantau ini juga satu faktor yang tidak begitu menggalakkan.

Kami percaya tema bagi 2006 akan tertumpu kepada penggabungan dan pemerolehan, contohnya pusingan kedua penggabungan institusi kewangan, penyusunan semula syarikat berkaitan kerajaan, kekuatan eksport berasaskan pemulihan eksport serantau dan syarikat berkaitan infrastruktur yang terlibat dalam pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-9.

Berlatarkan perkembangan semasa, bagi dana **Uni Strategic**, kami akan menggunakan strategi bertahan, dengan penekanan kepada syarikat yang mempunyai prospek pertumbuhan kukuh, tahap pendapatan yang tinggi dan pulangan dividen yang baik. Dari segi sektor, kami cenderung kepada sektor perladangan, perjudian dan kuasa kerana ciri-ciri kelebihan yang mantap dan hasil pulangan yang menarik. Kami juga berpendapat sektor berkaitan infrastruktur akan mendapat manfaat daripada Rancangan Malaysia Ke-9.

Bagi dana **Uni Aggressive**, sejajar dengan matlamat dana untuk mencapai peningkatan modal kukuh dalam jangka pertengahan dan jangka panjang, dana ini melabur dalam sektor seperti pengguna, produk perindustrian dan teknologi.

Dalam tempoh yang mendatang, kami percaya bahawa prestasi Bursa tempatan boleh dibahagikan kepada saham bermodal besar dan saham bermodal sederhana atau kecil. Saham bermodal besar utama seperti yang dicerminkan oleh IKKL dijangka diperdagangkan antara 900-980. Saham bermodal sederhana atau kecil dijangka ditarafkan semula daripada kedudukannya yang agak rendah. Walaupun beberapa saham bermodal kecil sudah mula menunjukkan peningkatan, banyak lagi yang masih belum bergerak.



### *Tinjauan Pelaburan (sambungan)*

Memandangkan sentimen bagi saham bermodal sederhana dan kecil semakin kukuh, kami bercadang meningkatkan alfa dana dengan menambahkan pelaburan ekuiti dan menyelaraskan campuran portfolio. Kami akan cuba mengimbangkan semula portfolio dengan kombinasi syarikat yang akan memberikan kadar dividen tinggi dan pendapatan stabil dan syarikat yang mempunyai model perniagaan boleh skala, prospek pertumbuhan jelas dan rekod pengurusan yang terbukti.

### **TINJAUAN PASARAN EKUITI SERANTAU**

Pasaran Asia mengungguli pasaran global dalam tempoh 4 Ogos 2005 hingga 31 Mac 2006, dengan Indeks MSCI Far East Free ex Japan (Dalam RM) meningkat sebanyak 10.9% berbanding MSCI World (Dalam RM) 9.3%.

Dari segi sektor, antara yang mencatatkan prestasi menggalakkan ialah sektor Tenaga kerana harga minyak yang kukuh dan margin penapisan yang kian pulih; Bahan Mentah, kerana pasaran komoditi yang kukuh; serta Penjagaan Kesihatan (saham khusus); manakala Teknologi merupakan sektor yang paling lembab selepas mencatatkan prestasi mantap pada suku ke-4 2005. Nisbah penghantaran inventori teknologi serantau kini berada pada tahap terendah dalam kitaran dan mungkin meningkat berasaskan permintaan bermusim yang menurun. Harga produk juga kelihatan agak lemah. Memandangkan segala faktor membimbangkan ini di samping ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang dikhuatiri semakin lemah, pelabur terus mengurangkan pelaburan mereka dalam sektor kitaran, iaitu Semikonduktor dan Teknologi Maklumat.

Indonesia mendahului dalam jadual prestasi serantau Asia pada suku pertama 2006. Negara ini menerima pelaburan langsung asing bernilai lebih USD5 bn (aset arang batu Bumi dan medan minyak Cepu). Tahap kecairan tetap kukuh dan kadar faedah penanda aras mungkin menyusut. Pasaran China meningkat pada suku pertama 2006, disokong oleh pertumbuhan yang mantap dan menyeluruh dalam ekonomi keseluruhan dan juga peningkatan dalam keuntungan korporat. Petunjuk ekonomi positif juga memacu prestasi pasaran di Filipina pada suku pertama 2006, memandangkan persekitaran politiknya yang sudah reda. Selepas mencatatkan prestasi kukuh pada Januari 2006, pasaran Thai mula turun pada Februari 2006, kerana pelabur asing dan tempatan berundur dan memerhatikan perkembangan kemelut politik yang melanda. Nilai saham berpatutan di Korea Selatan memacu kenaikan nilai ekuiti pada suku pertama 2006, disokong data makroekonomi yang lebih kukuh daripada yang dijangkakan.

Prestasi negara paling lemah pada suku pertama 2006 dicatatkan oleh indeks-indeks Taiwan yang bersifat berkisar. Sentimen pasaran di Taiwan terjejas oleh kebimbangan tentang masalah pinjaman pengguna. Kemerosotan dalam sektor teknologi maklumat telah menyebabkan indeks pasaran menyusut. Pasaran hartanah Hong Kong tetap teguh dan seterusnya menyokong prestasi pasaran pada suku pertama 2006 walaupun kadar faedah telah meningkat. Pasaran Singapura juga menyerlah, dipacu oleh aliran berita ekonomi positif dan belanjawan mesra rakyat 2006 menjelang pilihan raya umumnya.

*Nama Insurans Yang Dipercayai*



### *Tinjauan Pelaburan (sambungan)*

Kegiatan ekonomi Asia tetap memberangsangkan walaupun ekonomi AS semakin lemah pada penghujung tahun lepas. Sumber permintaan baru di China, Jepun, Eropah dan perdagangan serantau telah mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh AS. Jepun selesai menjalani penyelarasan zaman pasca ledakan, China telah membuka pasaran dan melonggarkan peraturan ekonominya, dan Eropah pula, walaupun masih terkongkong oleh pasaran buruh yang tegar secara strukturnya, kini meningkatkan permintaan bagi barangan Asia sebagai tindak balas kepada kenaikan mata wang sejak awal 2002. Kami meramalkan kepesatan pertumbuhan Asia kekal kukuh pada 2006.

Petunjuk utama dan kitaran inventori global terus memberikan isyarat bahawa eksport Asia dijangka terus meningkat. Eksport teknologi mungkin telah sampai ke tahap puncak, tetapi eksport bukan berkaitan teknologi dan eksport perkhidmatan dijangka tetap kukuh. Pertumbuhan eksport yang teguh menekankan lagi penggiliran pemacu pertumbuhan serantau daripada eksport bersih kepada permintaan domestik pada separuh pertama 2006. Peningkatan pendapatan eksport seharusnya mendorong perbelanjaan oleh pengguna dan syarikat. Contohnya, di Korea dan Singapura, kenaikan eksport barangan dan perkhidmatan meningkatkan kadar penciptaan pekerjaan. Sementara itu, inflasi asas serantau berkurangan baru-baru ini, walaupun dengan ketidakstabilan harga minyak dan prestasi ekonomi yang lebih baik. Namun, terdapat beberapa negara di mana inflasi terus menjadi ancaman, iaitu di Indonesia, Filipina dan Thailand. Tekanan inflasi yang sederhana disebabkan sebahagiannya oleh dasar matawang yang semakin ketat, menerusi kenaikan kadar faedah dan/atau peningkatan nilai mata wang. Keadaan ini dijangka berterusan pada masa depan.

### **TINJAUAN DAN STRATEGI PASARAN EKUITI SERANTAU**

Memandangkan kadar faedah AS sudah sampai ke tahap tertinggi dan harga minyak mentah berada pada purata USD60/bbl; (1 Oktober 05 hingga 31 Mac 06), tinjauan pendapatan Asia tahun ini lebih positif. Ramalan tergabung menjangkakan pertumbuhan pendapatan sesaham Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun) akan meningkat daripada 4.5% pada 2005 kepada 11.2% pada 2006 (Sumber: Unjuran Tergabung IBES). Kenaikan keuntungan di Asia masih ketinggalan berbanding pasaran baru berkembang dan pasaran maju dalam tempoh 12 bulan lepas. Namun, pada masa depan, pertumbuhan pendapatan di rantau ini juga dijangka setanding dengan pasaran-pasaran global.

Kami tetap positif dengan sektor permintaan tempatan kerana kami mengunjurkan pemulihan Asia akan diteruskan. Seajar dengan pemulihan ini, harga aset yang lebih tinggi, pasaran buruh yang semakin ketat dan kadar faedah sebenar yang rendah dijangka mendorong perbelanjaan tempatan. Namun, kami telah mengubah pendirian 'tambah nilai' dana Uni AsiaEquity dalam sektor teknologi kepada neutral kerana maklum balas yang diterima daripada syarikat-syarikat Teknologi Maklumat pada suku tahun pertama 2006 agak berhati-hati dan juga kerana kita sedang memasuki suku kedua yang pada amnya merupakan kitaran musim yang sedang menurun. Kami juga cenderung kepada sektor bermodal rendah dan sederhana kerana kami percaya prestasi lebih baik akan dicatatkan dalam kitaran ekonomi seterusnya dan minat pelabur terhadap saham-saham ini dijangka meningkat. Secara keseluruhannya, kami tetap positif dengan pasaran ekuiti Asia (tidak termasuk Jepun) kerana kekuatan pertumbuhan ekonomi dan tahap keuntungannya. Aliran dana kukuh yang berterusan ke Asia akan menambahkan keyakinan tersebut. Kami juga meramalkan pertukaran simpanan domestik ke dalam ekuiti, untuk memacu penarafan semula pasaran.

*Nama Insurans Yang Dipercayai*



*Tinjauan Pelaburan (sambungan)*

## TINJAUAN PASARAN BON

Seperti yang dijangkakan oleh pasaran, Bank Negara Malaysia (BNM) akhirnya meningkatkan Kadar Polisi Semalaman (OPR) sebanyak 30 mata asas kepada 3.00% daripada 2.70% buat pertama kali dalam tempoh tujuh tahun. Langkah yang diambil oleh BNM dilihat oleh pasaran sebagai usaha untuk menangani inflasi dalam negara yang berlaku akibat tempas kenaikan harga minyak. Selepas itu, OPR dinaikkan lagi sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada Februari 2006. OPR mengakhiri suku tahun pertama 2006 pada kadar 3.25%. Secara perbandingan, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat telah meningkatkan kadar faedah sebanyak 250 mata asas daripada 2.25% pada 31 Dis 2004 kepada 4.75% pada akhir suku pertama 2006. Walaupun para pelabur tetap berhati-hati terhadap pergerakan kadar faedah, permintaan terhadap bon kerajaan dan juga pasaran bon korporat, terutamanya bon kematangan jangka pendek agak kukuh. Ini pula disokong oleh kenaikan ringgit berbanding US Dollar, yang meningkat 3.08% kepada RM3.6831 pada akhir Mac 2006 daripada RM3.80 sebelum tambatan Ringgit dimansuhkan. Para pelabur, khususnya pelabur asing, mencari peluang meraih keuntungan modal bagi aset Malaysia kerana Ringgit yang lebih kukuh.


Bagi tempoh yang dilaporkan antara 22 September 2005 hingga 31 Mac 2006, Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 3-tahun dan MGS 5-tahun masing-masing meningkat sebanyak 50 mata asas dan 45 mata asas. MGS 3-tahun dan 5-tahun meningkat kepada 3.67% dan 3.745% pada akhir Mac 2006 daripada 3.17% dan 3.30% pada awal tempoh. MGS 10-tahun juga meningkat 22 mata asas kepada 4.12% daripada 3.90%. Disebabkan kenaikan harga MGS, bon korporat turut mengalami kesannya.

*Nama Insurans Yang Dipercayai*




Tinjauan Pelaburan (sambungan)

Carta 1: Pergerakan MGS 3,5 dan 10 tahun



Sumber : Bloomberg

Carta 2: Pergerakan Kadar Polisi Semalaman Malaysia



Sumber : Bloomberg



*Tinjauan Pelaburan (sambungan)*

## TINJAUAN DAN STRATEGI PASARAN BON

Tekanan inflasi semasa, disebabkan terutamanya oleh harga minyak lebih tinggi, mungkin mengakibatkan kadar faedah tempatan terus melonjak sehingga akhir 2006. Harga pengguna dijangka meningkat dalam masa terdekat, disebabkan kenaikan harga minyak pada bulan Februari. Di samping itu, BNM akan terus menguruskan perbezaan kadar faedah dengan Kadar Dana Persekutuan Amerika Syarikat dalam julat yang sewajarnya. Perbezaan kadar faedah semasa (pada Mei 2006) ialah 250 mata asas.

Walau bagaimanapun, BNM mungkin memperlahankan peningkatan kadar faedah dalam masa terdekat kerana kerajaan telah mengetatkan dasar fiskalnya baru-baru ini. Dasar fiskal yang ketat tidak sesuai dengan dasar kewangan terlalu terhad kerana ia mengancam pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya, jika harga minyak terus meningkat, kerajaan mungkin melonggarkan dasar fiskal dengan mengurangkan subsidi minyak. Ini akan mendesak kerajaan untuk meningkatkan harga minyak.

Ringgit dijangka lebih kukuh pada masa terdekat dan kami percaya ini akan terus meningkatkan permintaan dalam instrumen hutang tempatan, khususnya di kalangan pelabur asing. Ini dapat dilihat daripada aliran masuk dana sejak tambatan Ringgit dimansuhkan pada Julai 2005.

Sementara itu, kami juga percaya kempen menaikkan kadar faedah Amerika Syarikat akan berakhir, disokong oleh data inflasi baru-baru ini yang memperlihatkan penurunan kadar inflasi manakala pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) S4/2005 pula semakin menyusut. Perkembangan ini mungkin mempengaruhi Rizab Persekutuan untuk memberhentikan kenaikan kadar faedah buat sementara waktu.


Secara keseluruhan, walaupun pasaran bon tempatan tidak begitu kukuh, pandangan jangka panjang kami tetap positif. Kami percaya nilai Ringgit akan terus meningkat berbanding Dolar Amerika dan kempen kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat akan tamat pada suku ketiga 2006. Buat masa ini, kami akan memantau dengan teliti pergerakan kadar faedah dan juga keluk hasil pulangan antarabangsa.

# Prestasi Dana


## DANA UNI AGGRESSIVE

Walaupun menghadapi persekitaran yang mencabar, nilai aset bersih seunit dana Uni Aggressive meningkat 3.79%, bagi tempoh 1 April 2005 hingga 31 Mac 2006. Prestasi Dana Uni Aggressive telah mengatasi Indeks Emas Kuala Lumpur yang meningkat sebanyak 3.7%.

Carta 3: Pengagihan Aset Dana Uni Aggressive



Carta 4: Pergerakan Nilai Aset Bersih (NAB) Dana Uni Aggressive






Prestasi Dana (sambungan)

### DANA UNI STRATEGIC

Nilai Aset Bersih Seunit Dana Uni Strategic meningkat 7.18% bagi tempoh 1 April 2005 hingga 31 Mac 2006. Manakala pada tempoh yang sama, Indeks KLEmas meningkat sebanyak 3.7%. Dana Uni Strategic telah mengatasi Indeks Emas Kuala Lumpur sebanyak 3.48%.


Carta 5: Pengagihan Aset Dana Uni Strategic

Dana Uni Strategic pada 31 Mac 2006



Carta 6: Pergerakan Nilai Aset Bersih (NAB) Dana Uni Strategic

Dana Uni Strategic



*Nama Insurans Yang Dipercayai*




Prestasi Dana (sambungan)

**DANA UNI ASIAEQUITY**

Nilai Aset Bersih seunit Dana Uni AsiaEquity meningkat 4.38% bagi tempoh 4 Ogos hingga 31 Mac 2006. Dana Uni AsiaEquity telah mengatasi peningkatan penanda aras wajaran (70% Indeks Emas Kuala Lumpur serta 30% Indeks MSCI Far East Ex Japan) sebanyak 2.43%.


Carta 7: Pengagihan Aset Dana Uni AsiaEquity

Dana Uni AsiaEquity pada 31 Mac 2006



Carta 8: Pergerakan Nilai Aset Bersih (NAB) Dana Uni AsiaEquity

Dana Uni AsiaEquity



*Nama Insurans Yang Dipercayai*




Prestasi Dana (sambungan)

### DANA UNI INCOME

Nilai aset bersih seunit Dana Uni Income meningkat 1.15%, bagi tempoh 22 September 2005 hingga 31 Mac 2006. Dana telah mencatatkan prestasi kurang menggalakkan berbanding kadar tahunan simpanan tetap 12 bulan Maybank sebanyak 1.93%.


Carta 9: Pengagihan Aset Dana Uni Income

Dana Uni Income pada 31 Mac 2006



Carta 10: Pergerakan Nilai Aset Bersih (NAB) Dana Uni Income

Dana Uni AsiaEquity pada 31 Mac 2006



Nama Insurans Yang Dipercayai




Prestasi Dana (sambungan)

### DANA UNI BOND

Nilai aset bersih seunit Dana Uni Bond meningkat 0.32% bagi tempoh 29 September hingga 31 Mac 2006. Dana ini mencatatkan prestasi kurang menggalakkan berbanding kadar tahunan simpanan tetap 12 bulan Maybank sebanyak 1.86%.

Carta 11: Pergerakan Nilai Aset Bersih (NAB) Dana Uni Bond



### DANA UNI CAPITAL GUARANTEED

Dana Uni Capital Guaranteed memulakan pelaburan pada 31 Mac 2006, justeru penilaian prestasinya masih belum boleh dibuat.

*Nama Insurans Yang Dipercayai*

## Jadual Perbandingan Prestasi

### DANA UNI AGGRESSIVE

31-Mac-06

#### Komposisi Dana mengikut sektor dan kategori pelaburan

%

#### Ekuiti

Pembinaan	2.39
Produk Pengguna	18.00
Produk Perindustrian	16.35
Perladangan	2.23
Hartanah	2.89
Teknologi	12.35
Perdagangan/Perkhidmatan	14.22
	<u>68.43</u>

Tunai & Simpanan	32.26
Aset Lain	0.21
Liabiliti	(0.90)
Jumlah	<u>100.00</u>

Jumlah NAB (RM)	10,031,933
Bilangan unit	20,346,182
NAB (RM) seunit	0.4930
NAB (RM) seunit tertinggi pada tahun kewangan	0.4930
NAB (RM) seunit terendah pada tahun kewangan	0.4599
Jumlah pulangan sejak permulaan 1 April 2005 hingga 31 Mac 2006	3.79%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan: Emas Kuala Lumpur	3.70%



Jadual Perbandingan Prestasi (sambungan)

DANA UNI STRATEGIC

31-Mac-06

Komposisi Dana mengikut sektor dan kategori pelaburan

%

**Ekuiti**

Produk Pengguna	13.02
Kewangan	10.19
Produk Perindustrian	8.79
Infrastruktur	7.13
Perladangan	8.16
Perdagangan/Perkhidmatan	23.84
	<hr/> 71.13
Tunai & Simpanan	29.11
Aset Lain	0.61
Liabiliti	(0.85)
Jumlah	<hr/> 100.00

Jumlah NAB (RM)	18,754,995
Bilangan unit	36,837,567
NAB (RM) seunit	0.5091
NAB (RM) seunit tertinggi pada tahun kewangan	0.5113
NAB (RM) seunit terendah pada tahun kewangan	0.4747
Jumlah pulangan sejak permulaan 1 April 2005 hingga 31 Mac 2006	7.18%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan: Emas Kuala Lumpur	3.70%



Jadual Perbandingan Prestasi (sambungan)

**DANA UNI ASIAEQUITY**

**31-Mac-06**

**Komposisi Dana mengikut sektor dan kategori pelaburan**

**%**

**Ekuiti Asing**

Kewangan	4.45
Tenaga	4.65
Perkhidmatan Telekom	1.31
Hartanah	2.77
Produk Ruji Pengguna	2.37
Perindustrian	5.60
Teknologi Maklumat	6.28
Budi Bicara Pengguna	1.91
Jumlah Kecil	29.34

**Malaysia**

Pembinaan	0.10
Produk Pengguna	8.10
Kewangan	9.64
Produk Perindustrian	5.50
Infrastruktur	1.80
Perladangan	0.65
Hartanah	1.47
Teknologi	0.49
Perdagangan/Perkhidmatan	16.79
Jumlah Kecil	44.54

Tunai & Simpanan	24.52
Aset Lain	1.84
Liabiliti	(0.23)
Jumlah	100.00

Jumlah NAB (RM)	20,455,696
Bilangan unit	41,249,698
NAB (RM) seunit	0.4958
NAB (RM) seunit tertinggi pada tahun kewangan	0.4967
NAB (RM) seunit terendah pada tahun kewangan	0.4670
Jumlah pulangan sejak permulaan 4 Ogos 2005 hingga 31 Mac 2006	4.38%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan: 4 Ogos 2005-31 Mac 2006	2.43%
70%Emas Kuala Lumpur+30%MSCI Far East Ex Japan	

*Nama Insurans Yang Dipercayai*



Jadual Perbandingan Prestasi (sambungan)

**DANA UNI INCOME**

	<u>31-Mac-06</u>
<b>Komposisi Dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan</b>	<b>%</b>
	<hr/>
Minyak & Gas	24.73
Kewangan	8.26
Jalan Bertol	14.89
Telekomunikasi	8.12
Air	7.94
	<hr/>
	63.94
	<hr/>
Tunai & Simpanan	35.96
Aset Lain	0.83
Liabiliti	(0.73)
Jumlah	<hr/>
	100.00
	<hr/>
Jumlah NAB (RM)	30,866,414
Bilangan unit	61,644,551
NAB (RM) seunit	0.5007
NAB (RM) seunit tertinggi pada tahun kewangan	0.5007
NAB (RM) seunit terendah pada tahun kewangan	0.4950
Jumlah pulangan sejak permulaan 22 September 2005 hingga 31 Mac 2006	1.15%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan:	
Kadar tahunan Simpanan Tetap Maybank 12 bulan	1.93%



*Jadual Perbandingan Prestasi (sambungan)*

**DANA UNI BOND**

**31-Mac-06**

**Komposisi Dana mengikut sektor dan kategori pelaburan**

**%**

Tunai & Simpanan	89.29
Aset Lain	10.73
Liabiliti	(0.03)
Jumlah	100.00
Jumlah NAB (RM)	808,330
Bilangan unit	1,696,174
NAB (RM) seunit	0.4765
NAB (RM) seunit tertinggi pada tahun kewangan	0.4765
NAB (RM) seunit terendah pada tahun kewangan	0.4750
Jumlah pulangan sejak permulaan 29 September 2005 hingga 31 Mac 2006	0.32%
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan:	
Kadar tahunan Simpanan Tetap Maybank 12 bulan	1.86%

**DANA UNI CAPITAL GUARANTEED**

**31-Mac-06**

**Komposisi Dana mengikut sektor dan kategori pelaburan**

**%**

Instrumen Pendapatan Tetap	96.86
Opsyen Berkaitan Ekuiti	3.14
Jumlah	100.00
Jumlah NAB (RM)	29,242,630
Bilangan unit	61,309,474
NAB (RM) seunit	0.4769
NAB (RM) seunit tertinggi pada tahun kewangan	0.4769
NAB (RM) seunit terendah pada tahun kewangan	0.4769
Jumlah pulangan tahunan sejak 31 Mac 2006	Tidak berkenaan
Prestasi indeks tanda aras yang berkenaan	Tidak berkenaan

*Nama Insurans Yang Dipercayai*

## Penyata Pengurus

Kami, Dato' Maznah bte Abdul Jalil dan Lee Chin Yong, selaku dua Pengarah Uni.Asia Life Assurance Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, penyata kewangan yang dilampirkan memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan dan kedudukan Dana Uni Aggressive, Dana Uni Strategic, Dana Uni AsiaEquity, Dana Uni Income, Dana Uni Bond dan Dana Uni Capital Guaranteed pada 31 Mac 2006 dan juga keputusan dan perubahan nilai aset bersih bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut menurut Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") yang diguna pakai dan diluluskan di Malaysia.

Bagi pihak Pengurus

DATO' MAZNAH BTE ABDUL JALIL  
PENGURUSI

LEE CHIN YONG  
PENGARAH

26 Mei 2006

## Penyata Tahunan Bagi Dana Berkaitan Pelaburan

### PENYATA ASET DAN LIABILITI PADA 31 MAC 2006

	Nota	Dana Uni Aggressive RM	Dana Uni Strategic RM	Dana Uni AsiaEquity RM	Dana Uni Income RM	Dana Uni Bond RM	Dana Uni Capital Guaranteed RM
<b>Pelaburan</b>							
Sekuriti syarikat, disebutharga di Malaysia	3	6,864,984	13,340,090	9,110,629	-	-	-
Sekuriti hutang korporat tidak disebutharga	4	-	-	-	19,738,725	-	-
Sekuriti syarikat, disebutharga di luar Malaysia	5	-	-	6,001,800	-	-	-
